





**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
(INSTUN)**

**PROSEDUR SOKONGAN
INSTUN. PS-01**

PERANCANGAN STRATEGIK

Disediakan oleh:  Tandatangan	Diluluskan oleh:  Tandatangan
Nama: Faizan bin Zaidi Ho	Nama: Haslina binti Tan Sali
Jawatan: Ketua Penolong Ketua Bahagian R&D	Jawatan: WAKIL PENGURUSAN
Tarikh: 8/5/2017	Tarikh: 17 MAY 2017

NO. KAWALAN SALINAN

01

NO. KELUARAN:

01

TARIKH: 17 MAY 2017



1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan menggariskan langkah-langkah bagi menggubal Pelan Strategik INSTUN bagi menentukan arah tuju sebenar INSTUN selaras dengan visi dan misinya untuk muncul sebagai sebuah pusat latihan dan rujukan serta penyelidikan terunggul di Malaysia.

2. SKOP

Prosedur ini akan digunakan oleh INSTUN bagi menggubal Perancangan Strategik INSTUN dan tindakan pemantauan pelaksanaannya.

3. RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti

Klausa 5.1 - Kepimpinan dan Komitmen

4. DEFINISI

4.1 Pelan Strategik INSTUN (PSI)

Satu dokumen yang mengandungi objektif, sasaran, strategik-strategik, rancangan/pelan tindakan serta menggariskan secara terperinci keperluan dan program yang akan dilaksanakan dalam tempoh jangka panjang (2008 hingga 2020) bagi menyediakan hala tuju sebenar INSTUN seiring dengan visi dan misi INSTUN untuk muncul sebagai sebuah pusat latihan dan rujukan serta penyelidikan yang terunggul di Malaysia melalui program latihan dalam bidang pentadbiran tanah, ukur & pemetaan dan teknologi maklumat.

5. SINGKATAN

P : Pengarah INSTUN

KB : Ketua Bahagian



INSTUN.PS-01

PERANCANGAN STRATEGIK

MUKA SURAT :
2/5

KB R&D	:	Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
PKB	:	Penolong Ketua Bahagian
Pereka	:	Pereka
R&D	:	Penyelidikan dan Pembangunan
PSI	:	Pelan Strategik INSTUN
INSTUN	:	Institut Tanah dan Ukur Negara
KATS	:	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
JPL	:	Jawatankuasa Pengurusan Latihan

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan
P, KB	1. Kenalpasti kehendak-kehendak baru/perubahan persekitaran/ cabaran baru yang memberi kesan kepada fungsi, tugas dan objektif INSTUN melalui sumber-sumber seperti berikut: a. maklumbalas pelanggan/peserta kursus; b. maklumbalas <i>stakeholder</i> ; c. mesyuarat-mesyuarat utama; d. bengkel-bengkel penyediaan modul/kurikulum; e. perubahan penggunaan teknologi (ICT/peralatan); f. perubahan dasar/arahan kerajaan; g. laporan/penilaian kursus; dan h. kajian impak
KB R&D	2. Kaji kesesuaian visi, misi, objektif penubuhan INSTUN, modul, proses utama dan aktiviti INSTUN dalam memenuhi ekspektasi <i>stakeholder</i> dan memenuhi kehendak pelanggan.
P, KB-KB	3. Kenalpasti dan analisis peluang, halangan, kekuatan dan kelemahan dalam melaksanakan pengurusan latihan.



Tanggungjawab	Tindakan
Ahli-ahli JPL	4. Kenalpasti dan kaji isu/masalah-masalah yang wujud dalam pengurusan latihan.
P, KB-KB	5. Sesuaikan dengan visi, misi, objektif dan strategi-strategi yang terkandung di dalam pelan strategik KATS.
Pegawai R&D	6. Gubal Draf Pelan Strategik INSTUN yang mengandungi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none">a. bidang-bidang latihan;b. sasaran yang hendak dicapai;c. strategi-strategi;d. tempoh masa pelaksanaan;e. bahagian/pegawai yang dipertanggungjawabkan;f. sumber-sumber yang diperlukan; dang. mekanisme pelaksanaan/pemantauan
KB R&D	7. Bentangkan rangka/draf Pelan Strategik INSTUN kepada Mesyuarat Pengurusan.
KB-KB	8. Bahagian-bahagian menyemak draf Pelan Strategik dan mengemukakan maklumbalas/cadangan/pindaan (jika ada).
Pereka	9. Menyediakan rekabentuk dan cetak buku Pelan Strategik INSTUN.
KB	10. Melaksanakan Pelan Strategik INSTUN yang telah digubal.
PKB R&D	11. Buat laporan status kemajuan dalam pelaksanaan Pelan Strategik untuk dikemukakan ke KATS.
KB R&D	12. Bentangkan pencapaian Pelan Strategik INSTUN pada akhir atau awal tahun berikutnya.
P, KB	13. Ambil tindakan pembetulan bagi mengatasi permasalahan seperti mana yang diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan (jika ada) berdasarkan Minit Mesyuarat Pengurusan.



INSTUN.PS-01

PERANCANGAN STRATEGIK

MUKA SURAT :
4/5

7. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod Kualiti	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
1.	Buku Pelan Strategik INSTUN	Bahagian R&D	5 tahun
2.	Laporan Status Pelaksanaan Pelan Strategik INSTUN	Bahagian R&D	5 tahun
3.	Minit Mesyuarat Pengurusan INSTUN	Bahagian R&D	5 tahun

8. PELAN RISIKO DAN PELUANG INSTUN

Bil.	Risiko	Kebarangkalian	Impak	Tahap	Tindakan untuk Menangani Risiko		Penilaian Keberkesanan		Peluang/Tindakan Baru untuk Menangani Risiko
					Tindakan Sebelum Risiko Berlaku	Tindakan Selepas Risiko Berlaku	Ya / Tidak	Tempoh	
1.	Perubahan dasar/arahan daripada pengurusan tertinggi atau pembuat dasar.	Sangat Jarang	Kritikal	Sederhana	Penggubalan Pelan Strategik INSTUN mengambil kira perubahan semasa dan <i>way forward</i> INSTUN.	1. Pindaan perubahan terhadap dokumen. 2. Pemakluman kesedaran kepada warga Jabatan.	Ya	Mengikut arahan semasa	Penyediaan dokumen atau garis panduan untuk rujukan Jabatan.

9. SENARAI LAMPIRAN

Tiada.